



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 19 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Kanak-Kanak Orang Asli Dipercayai Dirogol, Dibunuh - Polis</b>  <a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/08/1124266/kanak-kanak-orang-asli-dipercayai-dirogol-dibunuh-polis#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/08/1124266/kanak-kanak-orang-asli-dipercayai-dirogol-dibunuh-polis#google_vignette</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/680911/berita/semas-a/anak-saya-tidak-akan-ke-sana-seorang-diri---bapa-nuraina-humaira#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/680911/berita/semas a/anak-saya-tidak-akan-ke-sana-seorang-diri---bapa-nuraina-humaira#google_vignette</a>  <a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1286755/mayat-budak-perempuan-dalam-paya-disahkan-mati-akibat-dibunuh-disyaki">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1286755/mayat-budak-perempuan-dalam-paya-disahkan-mati-akibat-dibunuh-disyaki</a>  <a href="https://www.youtube.com/watch?v=-0okuti6S-Y">https://www.youtube.com/watch?v=-0okuti6S-Y</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/680859/berita/semas a/budak-10-tahun-hilang-nuraina-humaira-ditemui-mati">https://www.sinarharian.com.my/article/680859/berita/semas a/budak-10-tahun-hilang-nuraina-humaira-ditemui-mati</a>  <a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1286540/budak-perempuan-10-tahun-ditemukan-mati-dalam-paya-selepas-24-jam-hilang">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1286540/budak-perempuan-10-tahun-ditemukan-mati-dalam-paya-selepas-24-jam-hilang</a>  <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/18/mayat-kanak-kanak-hilang-ditemukan-dalam-paya/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/18/mayat-kanak-kanak-hilang-ditemukan-dalam-paya/</a>  <a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2330644">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2330644</a>	Harian Metro  Sinar Harian  Berita Harian  Buletin TV3  Sinar Harian  Berita Harian  FMT  Bernama	Neutral

	<p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/18/kanak-kanak-orang-asli-dilapor-hilang-ditemui-maut-di-kawasan-berpaya/">https://malaysiagazette.com/2024/08/18/kanak-kanak-orang-asli-dilapor-hilang-ditemui-maut-di-kawasan-berpaya/</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/18/kematian-kanak-kanak-orang-asli-diklasifikasikan-kes-bunuh">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/18/kematian-kanak-kanak-orang-asli-diklasifikasikan-kes-bunuh</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Utusan Borneo</p>	
2.	<p><b>Kanak-Kanak 8 Tahun Dengan Kesan Cedera Di Badan Meninggal Dunia</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/18/kanak-kanak-8-tahun-dengan-kesan-cedera-di-badan-meninggal-dunia/">https://malaysiagazette.com/2024/08/18/kanak-kanak-8-tahun-dengan-kesan-cedera-di-badan-meninggal-dunia/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/08/1124182/kanak-kanak-8-tahun-maut-dipercayai-dipukul-ibu-dan-bapa-tiri-ditahan">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/08/1124182/kanak-kanak-8-tahun-maut-dipercayai-dipukul-ibu-dan-bapa-tiri-ditahan</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/18/punca-kematian-kanak-kanak-didera-masih-belum-diperoleh/">https://www.kosmo.com.my/2024/08/18/punca-kematian-kanak-kanak-didera-masih-belum-diperoleh/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/punca-kematian-kanakkanak-masih-belum-dikenal-pasti-polis-484062">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/punca-kematian-kanakkanak-masih-belum-dikenal-pasti-polis-484062</a></p> <p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/punca-kematian-kanak-kanak-masih-belum-dikenal-pasti-polis-GM12877540">https://thesun.my/cerita/berita/punca-kematian-kanak-kanak-masih-belum-dikenal-pasti-polis-GM12877540</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/18/penduduk-dakwa-kanak-kanak-perempuan-mangsa-dera-sudah-lama-tidak-keluar-bermain">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/18/penduduk-dakwa-kanak-kanak-perempuan-mangsa-dera-sudah-lama-tidak-keluar-bermain</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p> <p>The Sun</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral
3.	<p><b>Cekal Jual Kek Cawan Demi Biaya Rawatan Fisioterapi Anak</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/680818/edisi/selangor-kl/cekal-jual-kek-cawan-demi-biaya-rawatan-fisioterapi-anak">https://www.sinarharian.com.my/article/680818/edisi/selangor-kl/cekal-jual-kek-cawan-demi-biaya-rawatan-fisioterapi-anak</a></p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
4.	<p><b>Wanita Lapor Polis Dua Kali Diganggu Bekas Ahli Parlimen</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/18/bekas-ahli-parlimen-didakwa-usik-wanita-disiasat/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/08/18/bekas-ahli-parlimen-didakwa-usik-wanita-disiasat/#google_vignette</a></p>	<p>Kosmo</p>	Neutral

	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/18/wanita-dakwa-dua-kali-alami-gangguan-seksual-dari-lelaki-dikenali/">https://malaysiagazette.com/2024/08/18/wanita-dakwa-dua-kali-alami-gangguan-seksual-dari-lelaki-dikenali/</a>	Malaysia Gazette	
5.	<b>Rasa Lega Ada Koc Khas Wanita</b>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1124369/rasa-lega-ada-koc-khas-wanita">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1124369/rasa-lega-ada-koc-khas-wanita</a>	Harian Metro	Neutral
6.	<b>'Termakan Umpan Untung RM145, Pekebun Rugi Hampir RM120,000'</b>  <a href="https://api.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1286570/termakan-umpan-untung-rm145-pekebun-rugi-hampir-rm120000">https://api.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1286570/termakan-umpan-untung-rm145-pekebun-rugi-hampir-rm120000</a>	Berita Harian	Neutral
7	<b>Warga Emas 4 Hari Terperangkap Diselamatkn APM</b>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122962/warga-emas-4-hari-terperangkap-diselamatkn-apm">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1122962/warga-emas-4-hari-terperangkap-diselamatkn-apm</a>	Harian Metro	Neutral

## KANAK-KANAK ORANG ASLI DIPERCAYAI DIROGOL, DIBUNUH – POLIS

Ipoh: [Kanak-kanak Orang Asli](#) yang ditemukan meninggal dunia di kawasan berpaya di perkampungan Orang Asli Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, di sini semalam, dipercayai dirogol sebelum dibunuh.

Ketua Polis Daerah Sungai Siput, Superintendan Mohd Khaizam Ahmad Shahabudin berkata, susulan itu pihaknya mengklasifikasikan semula siasatan kes kepada Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Katanya, rumusan itu dibuat selepas keputusan bedah siasat yang diterima pada 4 petang tadi mendapati terdapat kecederaan akibat tekanan di leher serta kesan koyak pada kemaluan mangsa.

"Polis juga menahan lelaki berusia 17 tahun yang mempunyai pertalian darah dengan mangsa pada 5.30 petang tadi, untuk membantu siasatan.

"Kes masih dalam peringkat awal siasatan. Kemungkinan mangsa dirogol, namun buat masa ini kita tak boleh nak cakap secara pasti. Suspek ditahan di rumahnya yang juga terletak dalam perkampungan yang sama.

"Polis turut melihat adanya kemungkinan mangsa meninggal dunia di tempat lain sebelum mayatnya dibuang ke kawasan paya berkenaan," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Siput, di sini hari ini.

Terdahulu, Nuraina Humaira Rosli berusia 10 tahun yang dilaporkan hilang sejak Jumaat, ditemukan pada 4.20 petang Sabtu di [kawasan berpayaya](#) di perkampungan Orang Asli Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, di sini.

Mohd Khaizam dilaporkan, berkata pihaknya menerima panggilan daripada penduduk kira-kira 1.30 awal pagi semalam yang memaklumkan berkenaan kanak-kanak itu yang tidak pulang ke rumah sejak Jumaat petang.

Lokasi penemuan mayat mangsa dikatakan kawasan yang jarang dikunjungi penduduk kampung kerana bahaya dengan banyak binatang berbisa.

## **KANAK-KANAK 8 TAHUN DENGAN KESAN CEDERA DI BADAN MENINGGAL DUNIA**

KUALA LUMPUR – Seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun disahkan meninggal dunia di rumahnya di Bandar Tasik Puteri, Rawang semalam lebih kurang jam 3.27 petang.

Menurut Ketua Polis Daerah Gombak, ACP Noor Ariffin Mohamad Nasir, pemeriksaan mendapati terdapat kesan kecederaan di bahagian muka, bibir, paha, dagu dan lutut pada mayat kanak-kanak berkenaan.

"Hasil siasatan mendapati mangsa telah disahkan meninggal dunia di rumahnya oleh Pembantu Pegawai Perubatan Hospital Sungai Buloh.

Susulan kematian itu, polis menahan pasangan suami isteri di Pangsapuri Sandalwood Court, Bandar Tasik Puteri pada hari yang sama pada jam 9 malam.

"Lelaki warga tempatan berumur 29 tahun bekerja sebagai pengawal keselamatan dan isterinya 28 tahun bekerja sebagai pembuat aiskrim telah ditahan reman hari ini sehingga Sabtu depan," tambahnya.

“Mayat mangsa telah dihantar ke hospital tersebut untuk bedah siasat,” katanya menerusi kenyataan.

Noor Ariffin berkata, polis telah membuka kertas siasatan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan membunuh.

Dalam pada itu, Noor Ariffin meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan kejadian tersebut supaya menghubungi Pegawai Penyiasat Kanan ASP Mohd Hamizan Mohamad Yunus di talian 013-8348384 atau Bilik Gerakan IPD Gombak di talian 03-61262222. – MalaysiaGazette

### **CEKAL JUAL KEK CAWAN DEMI BIAYA RAWATAN FISIOTERAPI ANAK**



Nur Zetty (kiri) yang menghidapi penyakit jarang jumpa iaitu Sindrom Dravet sejak usia tiga tahun. Sudah menjadi rutin buat Muhammad Zakri (kanan) menjual kek buatan isteri di kaki lima sejak 2015 lalu - Foto Facebook/ Putri Zetty Yaya.

SHAH ALAM - Dek kerana mahu menampung perbelanjaan keluarga dan membiayai kos rawatan anak istimewa, sepasang suami isteri sanggup menjual kek cawan di kaki lima sejak hampir 10 tahun lalu.

Pengawal peribadi, Muhammad Zakri Saimon berkata, dia dan isterinya, Zahrah Mohd Jamian sudah terbiasa menjual kek cawan buatan sendiri berikutan anak sulungnya, Nur Zetty Shazlily, 17, disahkan menghidap penyakit jarang jumpa iaitu Sindrom Dravet sejak usia tiga tahun.

Menurut bapa kepada enam cahaya mata itu, meskipun mendapat bantuan bulanan daripada Baitulmal dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), namun komitmen bulanan masih tinggi kerana pada masa sama perlu menanggung biaya persekolahan anak-anak yang lain.

“Saya dan isteri buat kek cawan bermula RM10 sejak 2015 lagi untuk dijual di kaki lima depan bank di Petaling Jaya. Kadang-kadang jualan tak menentu.

“Ada kalanya kek habis, ada juga waktu tak habis. Kalau tak habis kami sedekah kepada gelandangan, pengawal keselamatan atau sesiapa yang berdekatan.

“Kami jual kek memang untuk tampung kos rawatan fisioterapi urutan tulang belakang anak sulung yang sudah bengkok 70 peratus dan masih terbaring sehingga kini,” katanya kepada Sinar Harian pada Sabtu.

Sebelum ini, kisah keluarga tersebut pernah tular beberapa kali di platform media cetak dan digital kerana ramai bersimpati dengan nasib Nur Zetty yang terlantar sakit bertahun-tahun lamanya.

Terbaharu, lapan beranak itu terpaksa hidup berpanas dan bergelap hampir seminggu selepas bekalan elektrik rumah dipotong kerana mempunyai tunggakan bil sebanyak RM2,853.30.

Bagaimanapun, bil elektrik sudah dilangsaikan dengan bantuan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan isterinya sudah boleh membuat kek seperti biasa.

Ditanya lebih lanjut mengenai keadaan anak sulungnya, Muhammad Zakri memaklumkan, doktor pernah mencadangkan agar Nur Zetty melakukan pembedahan meluruskan tulang belakang, namun risikonya agak tinggi.

Tambahnya, dia juga tidak dapat menghantar Nur Zetty ke pusat rawatan swasta untuk menjalani fisioterapi disebabkan kekangan kewangan.

“Doktor ada cadang supaya buat pembedahan tapi kami takut dan risau kerana risiko atau peluang selamat hanya 50-50.

“Kalau buat pembedahan sekalipun belum tentu ada jaminan kerana anak saya tak boleh duduk atau berjalan malah badannya pun lembik.

“Buat masa ini, kami kumpul duit untuk teruskan rawatan fisioterapi Nur Zetty. Dia juga perlu bergantung kepada dua jenis ubat iaitu Clobazam serta Kepra,” ujarnya.

Bagi yang ingin menyalurkan sumbangan, boleh terus berhubung ke 514084587577 (Maybank) atas nama Muhammad Zakri Saimon atau menghubunginya di talian 011-19526330.

### **'TERMAKAN UMPAN UNTUNG RM145, PEKEBUN RUGI HAMPIR RM120,000'**

KUANTAN: Seorang pekebun wanita berusia 36 tahun di sini kerugian RM117,289 selepas terpedaya dengan pelaburan tidak wujud.

Timbalan Ketua Polis Pahang, Datuk Nor Hisam Nordin, berkata berdasarkan laporan semalam, mangsa terpedaya dengan pelaburan terbabit melalui aplikasi Telegram pada 14 Ogos lalu.

Katanya, mangsa yang berminat menyertai pelaburan itu dan mendaftar dalam sistem yang diberikan oleh suspek.

"Mangsa mula melabur sejumlah RM110 dan menerima pulangan berjumlah RM145. Dengan keuntungan itu, mangsa mula percaya dan meneruskan pelaburan dengan melakukan 27 transaksi kepada 20 akaun yang diberikan oleh suspek.

"Dalam tempoh tiga hari dari tarikh pelaburan, wang simpanan mangsa telah lesap sehingga mengalami kerugian berjumlah RM117,289. Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, pihaknya menasihati orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dengan tawaran pelaburan atas talian yang menjanjikan

keuntungan tinggi.

"Masyarakat juga diingatkan supaya membuat semakan nombor akaun yang diterima di pautan <https://semakmule.rmp.gov.my/> terlebih dahulu sebelum membuat sebarang transaksi," katanya.